Sesebuah anak syarikat yang menerbitkan saham ekuiti baru kepada kepentingan minoriti untuk pertimbangan tunai dan harga terbitan ditetapkan pada nilai saksama, pengurangan dalam kepentingan Kumpulan dalam anak syarikat berkenaan dikira sebagai pelupusan kepentingan ekuiti dengan keuntungan atau kerugian sepadan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Apabila sebuah kumpulan membeli saham ekuiti anak syarikat daripada kepentingan minoriti untuk pertimbangan tunai dan harga belian telah ditetapkan pada nilai saksama, pertambahan kepentingan Kumpulan dalam anak syarikat terbabit dikira sebagai pembelian kepentingan ekuiti di mana kaedah perakaunan pengambilalihan digunakan.

Kumpulan menganggap semua perubahan lain dalam susunan kumpulan sebagai urusniaga ekuiti antara Kumpulan dan pemegang saham minoritinya. Sebarang perbezaan antara bahagian aset bersih Kumpulan sebelum dan selepas perubahan berkenaan serta sebarang pertimbangan yang diterima atau dibayar, diselaraskan kepada atau terhadap rizab Kumpulan.

(iv) Urusniaga dihapuskan ke atas penyatuan

Baki-baki antara kumpulan serta sebarang pendapatan dan perbelanjaan belum dicapai yang timbul daripada urusniaga antara kumpulan adalah dihapuskan dalam menyediakan penyata kewangan yang disatukan.

Keuntungan belum dicapai yang timbul daripada urusniaga dengan ekuiti pihak dilabur dihapuskan, sejauh mana kepentingan Kumpulan dalam pihak dilabur. Kerugian belum dicapai dihapuskan menerusi cara yang sama dengan keuntungan yang belum dicapai tetapi hanya sekiranya tiada bukti kerugian penurunan nilai.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Mata wang asing

Urusniaga mata wang asing

Urusniaga dalam mata wang asing ditukar kepada mata wang fungsi entiti Kumpulan masing-masing pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga.

Aset dan tanggungan kewangan disebut dalam mata wang asing pada tarikh kunci kira-kira ditukar semula kepada mata wang fungsi pada kadar pertukaran pada tarikh berkenaan. Aset dan tanggungan bukan kewangan disebut dalam mata wang asing yang diukur pada nilai saksama ditukar kepada mata wang fungsi pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul disebabkan penukaran semula itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(c) Instrumen kewangan derivatif

Kumpulan memegang instrumen kewangan derivatif untuk membataskan risiko mata wang asing dan kontrak komoditinya.

Instrumen kewangan derivatif seperti kontrak pertukaran asing dan komoditi masa depan digunakan sebagai batasan untuk mengurus pendedahan operasi terhadap risiko mata wang asing dan harga komoditi. Ia dilaksanakan dengan institusi kewangan dan broker berkualiti kredit yang tinggi, selaras dengan kelulusan tertentu, had dan prosedur pemantauan. Sejajar dengan dasar perbendaharaan dan pembelian komoditi, Kumpulan tidak memegang instrumen derivatif untuk tujuan perdagangan.

Nilai saksama kontrak pertukaran hadapan dan pasaran komoditi hadapan dikira dengan masing-masing merujuk kepada kadar pertukaran hadapan semasa dan harga pasaran komoditi hadapan, bagi kontrak dengan profil kematangan serupa.

Risiko mata wang asing

Tujuan utama aktiviti perlindungan mata wang asing adalah untuk melindungi daripada ketidakstabilan yang berkaitan dengan jualan mata wang asing dan pembelian inventori siap dikilang, pembelian bahan serta aset dan tanggungan lain yang timbul dalam urusan biasa perniagaan. Kumpulan menggunakan terutamanya kontrak pertukaran mata wang asing hadapan dengan kematangan kurang daripada dua belas bulan untuk melindungi komitmen yang kukuh. Di bawah program ini, peningkatan atau penurunan dalam komitmen kukuh Kumpulan diimbangi sebahagiannya oleh keuntungan dan kerugian ke atas instrumen perlindungan.

Risiko harga komoditi

Instrumen komoditi digunakan untuk memastikan bahawa Kumpulan memperolehi bahan-bahan mentah pada harga bersesuaian. Urusniaga pembelian keseluruhan dicatat pada kadar kontrak. Perubahan dalam nilai saksama instrumen komoditi terbuka yang ditetapkan sebagai perlindungan berkesan diiktiraf dalam ekuiti sehingga urusniaga pembelian sebenar diiktiraf dalam penyata kewangan.

Perlindungan – Aliran tunai terlindung

Jika instrumen kewangan derivatif ditetapkan sebagai suatu perlindungan perubahan dalam aliran tunai tanggungan yang diiktiraf, komitmen kukuh atau suatu urusniaga yang berkemungkinan tinggi berlaku, bahagian yang berkesan bagi sebarang keuntungan atau kerugian ke atas instrumen kewangan derivatif akan diiktiraf terus dalam ekuiti. Apabila komitmen kukuh atau urusniaga yang dijangka menyebabkan pengiktirafan aset atau tanggungan, keuntungan atau kerugian terkumpul akan dikeluarkan daripada ekuiti dan dimasukkan dalam pengiraan awal aset atau tanggungan. Jika tidak, keuntungan atau kerugian terkumpul dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan pada masa yang sama dengan urusniaga perlindungan berkenaan. Bahagian yang tidak berkesan daripada sebarang keuntungan atau kerugian adalah diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

Apabila sesuatu instrumen perlindungan atau hubungan perlindungan ditamatkan tetapi urusniaga dilindungi itu masih dijangka berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul pada waktu itu kekal dalam ekuiti dan diiktiraf menurut dasar di atas apabila urusniaga berlaku. Jika urusniaga dilindungi itu tidak lagi berkemungkinan berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul yang belum dicapai dalam ekuiti akan diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Hartanah, loji dan peralatan

(i) Pengiktirafan dan pengiraan

Modal kerja dalam pelaksanaan dinyatakan pada kos. Semua hartanah, loji dan peralatan lain dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung diagihkan kepada pengambilalihan aset. Kos bagi aset yang terbentuk sendiri termasuk kos bahan dan buruh langsung, sebarang kos lain secara langsung diagihkan bagi menyediakan aset untuk kegunaannya dan kos mengeluarkannya serta memindahkan barangan dan menggunakan kawasan di mana ia ditempatkan. Perisian dibeli yang penting kepada fungsi peralatan berkaitan dijadikan modal sebahagian daripada peralatan tersebut.

Kos hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai hasil kombinasi perniagaan adalah berasaskan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Nilai saksama hartanah adalah nilai anggaran di mana suatu hartanah boleh ditukar pada tarikh penilaian antara pembeli yang sanggup dan penjual yang sanggup dalam urusniaga sewajarnya selepas pemasaran bersesuaian di mana pihak berkenaan telah bertindak secara berpengetahuan, bijak dan tanpa dipaksa. Nilai saksama butiran loji dan peralatan lain adalah berasaskan harga pasaran disebut harga untuk butiran yang sama.

Apabila bahagian penting sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan mempunyai kegunaan berbeza, ia dikira sebagai butiran berlainan (komponen utama) hartanah, loji dan peralatan.

(ii) Kos seterusnya

Kos menggantikan bahagian butiran hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam jumlah dibawa butiran tersebut jika terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa depannya akan mengalir kepada Kumpulan dan kosnya boleh dikira dipercayai. Kos perkhidmatan harian bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf berlaku dalam penyata kewangan.

(iii) Susutnilai

Susutnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan pada asas garis lurus terhadap kegunaan yang dianggarkan bagi setiap bahagian butiran hartanah, loji dan peralatan. Aset pajakan disusutnilai terhadap mana satu yang lebih singkat sama ada syarat pajakan dan kegunaannya. Tanah pegangan bebas tidak disusutnilai. Hartanah, loji dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusutnilai sehingga aset tersebut sedia untuk kegunaannya.

Anggaran jangka masa penggunaan bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

• bangunan	50 tahun
• loji dan mesin	10 – 20 tahun
• alat, perabot dan peralatan	5 tahun
• kenderaan bermotor	5 tahun
• sistem maklumat	3 tahun

Jumlah yang boleh disusutnilai ditentukan selepas menolak nilai baki.

Kaedah susutnilai, jangka masa penggunaan dan nilai baki dinilai semula pada tarikh laporan.

(iv) Perubahan dalam anggaran

Anggaran beberapa butiran loji dan peralatan disemak pada 2006 (lihat nota 3).

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Aset pajakan

Pajakan di mana Kumpulan menanggung sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pada pengiktirafan awal, aset pajakan tersebut dikira pada satu jumlah yang setara dengan yang lebih rendah antara nilai saksama dengan nilai semasa pembayaran pajakan minimum. Selepas pengiktirafan awal, aset tersebut dikira menurut dasar perakaunan yang diterima pakai pada aset berkenaan.

Pajakan lain adalah pajakan operasi dan aset pajakan tidak diiktiraf pada kunci kira-kira Kumpulan.

Tanah pajakan yang biasanya mempunyai jangka masa ekonomi tidak pasti dan hak milik tidak dijangka akan diserahkan kepada pemajak menjelang akhir tempoh pajakan adalah dianggap sebagai pajakan operasi. Pembayaran yang dibuat untuk memulakan atau memperolehi tanah pajakan adalah dikira sebagai pembayaran pajakan prabayar yang dilunaskan sepanjang tempoh pajakan bersesuaian dengan corak faedah yang disediakan kecuali untuk tanah pajakan yang dikelaskan sebagai hartanah pelaburan. Kumpulan sebelum ini mengkelaskan pajakan tanah sebagai pajakan kewangan dan telah mengenal pasti jumlah pembayaran pajakan prabayar sebagai hartanah dalam hartanah, loji dan peralatannya.

Waktu penggunaan awal FRS 117, Pajakan, Kumpulan menganggap pajakan sedemikian sebagai suatu pajakan operasi dengan jumlah dibawa yang belum dilunaskan dikelaskan sebagai pembayaran pajakan prabayar bersesuaian dengan peruntukan peralihan dalam FRS 117.67A.

(f) Aset tidak ketara

(i) Muhibah

Muhibah/(muhibah negatif) terhasil daripada pengambilalihan anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu.

Bagi pengambilalihan sebelum 1 Januari 2006, muhibah mewakili lebihan kos pengambilalihan terhadap kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset dan tanggungan boleh dikenalpasti bersih.

Dengan penggunaan FRS 3 bermula 1 Januari 2006, muhibah mewakili lebihan kos pengambilalihan terhadap kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang boleh dikenalpasti, tanggungan dan tanggungan luar jangkaan pihak yang diperolehi.

Muhibah dikira pada kos dan tidak lagi dilunaskan tetapi diuji untuk penurunan nilai sekurang-kurangnya setiap tahun atau lebih kerap apabila terdapat bukti objektif penurunan nilai. Apabila lebihan adalah negatif (muhibah negatif), ia diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

Muhibah diperuntukkan kepada unit menjana tunai dan diuji setiap tahun untuk penurunan nilai atau lebih kerap jika peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan ia mungkin mengalami penurunan nilai.

Dari segi ekuiti pihak dilabur, jumlah dibawa muhibah dimasukkan dalam jumlah dibawa pelaburan. Jumlah dibawa keseluruhan pelaburan diuji untuk penurunan nilai apabila terdapat bukti objektif penurunan nilai.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Aset tidak ketara (sambungan)

(i) Muhibah dilunaskan

Sebelum penggunaan FRS 3, muhibah dikira pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian penurunan nilai. Muhibah dilunaskan dari tarikh pengiktirafan awal untuk sepanjang jangka masa anggaran hayatnya selama 20 tahun. Muhibah yang dibeli turut dilunaskan dengan cara yang sama. Ujian penurunan nilai pada muhibah dilakukan apabila wujudnya petanda penurunan nilai.

Ekoran penggunaan FRS 3, muhibah dikira pada kos dan tidak lagi dilunaskan tetapi diuji untuk penurunan nilai sekurang-kurangnya setiap tahun atau lebih kerap apabila terdapat bukti objektif penurunan nilai.

(ii) Kos pembangunan

Perbelanjaan terhadap aktiviti pembangunan untuk pelaksanaan sebahagian proses yang diperbaiki dijadikan modal jika proses tersebut secara teknikal dan komersialnya boleh dilaksanakan dan Kumpulan mempunyai sumber-sumber mencukupi untuk menyelesaikan pembangunan berkenaan.

Perbelanjaan yang terutamanya dijadikan modal merangkumi kos berkaitan kakitangan langsung. Perbelanjaan pembangunan lain diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan yang berlaku. Perbelanjaan pembangunan yang dijadikan modal dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian penurunan nilai.

(iii) Perbelanjaan seterusnya

Perbelanjaan seterusnya ke atas aset tidak ketara yang dijadikan modal akan hanya dijadikan modal apabila ia meningkatkan faedah ekonomi masa hadapan dalam aset tertentu yang berkaitan. Semua perbelanjaan lain dianggap berlaku.

(iv) Pelunasan

Pelunasan dinyatakan dalam penyata pendapatan pada asas garis lurus sepanjang jangka masa anggaran penggunaan aset tidak ketara kecuali jangka masa berkenaan tidak menentu. Muhibah diuji untuk penurunan nilai setiap tahun dan apabila ada petanda menunjukkan ia mungkin mengalami penurunan nilai. Kos pembangunan dilunaskan dari tarikh ia sedia untuk digunakan.

Jangka masa anggaran penggunaan bagi kos pembangunan dijadikan modal adalah selama 5 tahun.

(g) Inventori

Inventori dikira pada nilai lebih rendah antara kos dan nilai boleh capai bersih. Kos inventori adalah berasaskan prinsip masuk dahulu keluar dahulu dan termasuk perbelanjaan yang berlaku dalam memperolehi inventori serta membawanya ke lokasi dan keadaan sedia ada. Bagi kerja yang sedang dilaksanakan dan inventori yang siap dikilang, kosnya merangkumi bahagian overhed pengeluaran yang bersesuaian pada keupayaan operasi yang normal. Nilai boleh capai bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan biasa, tolak anggaran kos perbelanjaan siap dan jualan.

(h) Penghutang

Penghutang pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dan kemudian dinyatakan pada kos dilunaskan tolak kerugian penurunan nilai untuk hutang lapuk dan ragu kecuali bila penghutang adalah pinjaman bebas faedah yang dibuat kepada pihak berkaitan tanpa sebarang syarat pembayaran semula tetap atau kesan pengurangan jumlah menjadi tidak penting.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(i) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki dan deposit dengan bank serta pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak penting. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dibentangkan bersih, selepas overdraf bank dan deposit dicagarkan.

(j) Penurunan nilai aset

(i) Penurunan nilai aset kewangan

Bagi dagangan dan penghutang semasa lain serta aset kewangan lain yang dibawa pada kos dilunaskan, kerugian penurunan nilai dikira sebagai perbezaan antara jumlah dibawa aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan, diberi potongan pada kadar kaedah berkesan asli aset kewangan (iaitu kadar faedah berkesan dikira pada pengiktirafan awal aset ini), di mana kesan pengurangan jumlah adalah penting.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian penurunan nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa berlaku selepas kerugian penurunan nilai diiktiraf, kerugian penurunan nilai itu ditimbal balik menerusi penyata pendapatan. Timbal balik satu-satu kerugian penurunan nilai tidak akan menyebabkan jumlah dibawa aset berlebihan yang mungkin ditentukan tidak mempunyai kerugian penurunan nilai yang diiktiraf dalam tahun sebelumnya.

(ii) Penurunan nilai aset-aset lain

Jumlah dibawa aset kecuali untuk invetori, aset cukai tertunda dan aset yang wujud daripada faedah pekerja disemak pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda penurunan nilai. Jika terdapat sebarang tanda sedemikian, jumlah aset yang boleh diperolehi semula akan dilakukan anggaran.

Bagi muhibah dan aset tidak ketara yang mempunyai jangka masa penggunaan yang tidak menentu atau belum lagi sedia untuk digunakan, jumlah yang boleh diperolehi dianggarkan pada setiap tarikh laporan.

Kerugian penurunan nilai diiktiraf jika jumlah dibawa sesebuah aset atau unit menjana tunainya melebihi jumlah yang boleh diperolehinya. Sesuatu unit yang menjana tunai adalah kumpulan aset boleh dikenal pasti paling kecil yang menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya adalah bebas daripada aset dan kumpulan lain. Kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian penurunan nilai diiktiraf dari sudut unit menjana nilai diperuntukkan terlebih dulu untuk mengurangkan jumlah dibawa sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit dan kemudian, mengurangkan jumlah dibawa aset lain dalam unit (kumpulan unit) pada asas menurut kadar atau pro rata.

Jumlah yang boleh diperolehi bagi aset atau unit menjana tunai adalah nilai penggunaan yang lebih besar dan nilai saksamanya ditolak kos untuk jualan. Dalam mengukur nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko aset tertentu.

Kerugian penurunan nilai dari segi muhibah adalah tidak ditimbal balik. Dari segi aset lain, kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam tempoh terdahulu adalah dinilai pada tarikh laporan untuk sebarang tanda bahawa kerugian telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian penurunan nilai ditimbal balik jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh diperolehi. Kerugian penurunan nilai ditimbal balik hanya apabila jumlah aset dibawa tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin ditentukan, nilai bersih susutnilai atau pelunasan, jika tiada kerugian penurunan nilai diiktiraf. Timbal balik kerugian penurunan nilai dikreditkan ke penyata pendapatan pada tahun timbal balik itu diiktiraf.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(k) Pinjaman dan peminjaman

Pinjaman dan peminjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama tolak kos urusniaga yang diagihkan. Setelah pengiktirafan awal, pinjaman dan peminjaman dinyatakan pada kos dilunaskan dengan sebarang perbezaan antara jumlah yang awalnya diiktiraf dan nilai penebusan yang dikenal pasti dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh peminjaman, bersama sebarang faedah dan yuran yang boleh dibayar, menggunakan kaedah faedah berkesan.

(l) Faedah pekerja

(i) Faedah pekerja jangka pendek

Kewajipan faedah pekerja jangka pendek dari segi gaji, bonus tahunan, cuti tahun berbayar dan cuti sakit dikira pada asas yang tiada pengurangan dan berlaku apabila perkhidmatan diberikan.

Peruntukan diiktiraf bagi jumlah yang dijangka dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek atau rancangan perkongsian keuntungan jika Kumpulan mempunyai kewajipan perundangan atau membina sedia ada untuk membayar jumlah ini hasil daripada perkhidmatan lalu yang disediakan oleh pekerja manakala kewajipan tersebut boleh dilakukan anggaran yang boleh dipercayai.

Sumbangan Kumpulan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dikemukakan pada penyata pendapatan dalam tahun berkaitan. Apabila sumbangan telah dibayar, Kumpulan tidak mempunyai kewajipan terhadap pembayaran seterusnya.

(ii) Rancangan faedah tertakrif

Jumlah bersih Kumpulan dari segi rancangan persaraan faedah tertakrif dikira berasingan untuk setiap rancangan dengan menganggarkan jumlah faedah masa hadapan yang diperolehi pekerja hasil perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan terdahulu; bahawa faedah dikaji semula untuk menentukan nilai semasa dan nilai saksama bagi sebarang aset rancangan ditolak. Kadar diskaun adalah hasil pada kunci kira-kira ke atas bon korporat berkualiti tinggi yang mempunyai tarikh matang sejajar dengan kewajipan Kumpulan. Pengiraan dilakukan oleh aktuari berkelayakan menggunakan kaedah anggaran unit kredit. Apabila pengiraan tersebut menghasilkan faedah kepada Kumpulan, aset yang diiktiraf adalah terhad kepada jumlah bersih sebarang kos perkhidmatan lalu yang tidak diiktiraf dan nilai semasa sebarang pulangan semula masa hadapan daripada rancangan atau pengurangan dalam sumbangan masa hadapan kepada rancangan berkenaan.

Pada tahun sebelum ini, Kumpulan menggunakan kaedah koridor untuk mengiktiraf keuntungan dan kerugian aktuari bagi rancangan faedah tertakrif dalam penyata pendapatan sepanjang anggaran purata tempoh kerja masih ada pekerja dalam rancangan berkenaan. Berikutan penggunaan Pindaan pada *FRS 119*$_{2004}$, Faedah Pekerja – Keuntungan dan Kerugian Actuarial, Rancangan dan Pemberitahuan Kumpulan, Kumpulan mengubah dasar perakaunannya sepanjang tahun tersebut di mana semua keuntungan dan kerugian aktuari yang wujud daripada rancangan faedah tertakrif adalah diiktiraf secara langsung dalam ekuiti serta-merta. Perubahan dalam dasar perakaunan ini digunakan menerusi pandangan masa lampau dan kesannya dibentangkan dalam Nota 28.

(iii) Urusniaga pembayaran berasaskan saham

Program pilihan saham membenarkan pekerja Kumpulan memperolehi saham syarikat pegangan. Pada tahun sebelum ini, pilihan saham yang diberikan kepada pekerja tidak diiktiraf sebagai kos pekerja. Berikutan penggunaan FRS 2, Pembayaran Berasaskan Saham, nilai saksama saham pilihan syarikat pegangan diberikan kepada pekerja oleh syarikat pegangan kini diiktiraf sebagai perbelanjaan pekerja. Jumlah yang diiktiraf sebagai perbelanjaan diselaraskan untuk menggambarkan bilangan sebenar pilihan saham.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(m) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, disebabkan peristiwa lalu, Kumpulan mempunyai kewajipan perundangan semasa atau membina yang boleh dianggarkan dan kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi diperlukan untuk memenuhi kewajipan tersebut. Peruntukan ditentukan dengan mengurangkan jumlah jangkaan aliran tunai masa hadapan pada kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko berkaitan tanggungan.

(i) Tanggungan luar jangkaan

Jika tiada kemungkinan bahawa aliran keluar faedah ekonomi tidak diperlukan atau jumlah tersebut tidak dapat dianggarkan, kewajipannya adalah menyatakannya sebagai tanggungan luar jangkaan kecuali kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi itu sedikit. Kemungkinan kewajipan yang kewujudannya hanya akan dipastikan menerusi satu atau lebih peristiwa masa depan yang berlaku atau tidak berlaku, turut dinyatakan sebagai tanggungan luar jangkaan kecuali kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi itu sedikit.

Apabila Syarikat mempunyai kontrak jaminan kewangan untuk menjamin hutang syarikat lain dalam kumpulannya, Kumpulan menganggapnya sebagai aturan insurans dan mengiranya sedemikian rupa. Dari sudut ini, Kumpulan menyifatkan kontrak jaminan sebagai tanggungan luar jangkaan sehingga waktu itu berkemungkinan Syarikat akan diperlukan untuk membuat pembayaran menurut jaminan tersebut.

(n) Pemiutang

Pemiutang pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama. Pemiutang seterusnya dinyatakan pada kos dilunaskan kecuali kesan pengurangan jumlah menjadi tidak penting, ianya dinyatakan pada kos.

(o) Perolehan

(i) Barangan dijual

Perolehan daripada jualan barangan dikira pada nilai saksama bagi pembayaran yang diterima atau boleh diterima, jumlah bersih pulangan dan elaun, diskaun dagangan dan rebet. Perolehan diiktiraf apabila risiko dan ganjaran penting pemilikan telah dipindahkan kepada pembeli, kemungkinan perolehan semula pembayaran, kos berkaitan dan kemungkinan pulangan barangan boleh dianggarkan serta tiada penglibatan berterusan pihak pengurusan dengan barangan.

(ii) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran dividen telah ditentukan.

(p) Pembayaran pajakan

Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan pada asas garis lurus sepanjang penggal pajakan. Insentif pajakan yang diterima diiktiraf sebagai sebahagian penting daripada perbelanjaan pajakan keseluruhan sepanjang tempoh pajakan.

Pembayaran pajakan minimum yang dibuat di bawah pajakan kewangan diagihkan antara perbelanjaan kewangan dan pengurangan tanggungan tertunggak. Perbelanjaan kewangan diperuntukkan ke setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala tetap bagi baki tanggungan selebihnya. Pembayaran pajakan luar jangkaan dijelaskan menerusi semakan pembayaran pajakan minimum sepanjang tempoh pajakan selebihnya apabila pelarasan pajakan disahkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(q) Pendapatan faedah dan kos peminjaman

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru, menggunakan kaedah faedah berkesan.

Semua kos peminjaman diiktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah faedah berkesan, dalam tempoh ia berlaku.

(r) Perbelanjaan cukai

Perbelanjaan cukai mengandungi cukai semasa dan tertunggak. Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam kes mana ia diiktiraf dalam ekuiti.

Cukai semasa adalah jangkaan cukai boleh dibayar ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk tahun berkenaan, menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal sebahagiannya pada tarikh kunci kira-kira dan sebarang pelarasan pada cukai yang boleh dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunggak diiktiraf menggunakan kaedah kunci kira-kira yang menyediakan perbezaan sementara antara jumlah aset dan tanggungan dibawa untuk tujuan laporan serta jumlah digunakan untuk tujuan pencukaian. Cukai tertunggak tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau tanggungan dalam urusniaga yang bukannya kombinasi perniagaan dan tidak menjejaskan sama ada urusniaga atau keuntungan yang boleh dikenakan cukai (kerugian cukai). Cukai tertunggak dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada perbezaan sementara apabila ia ditimbal balik berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal sebahagiannya menerusi tarikh kunci kira-kira.

Tanggungan cukai tertunggak diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dikenakan cukai.

Aset cukai tertunggak diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa keuntungan masa hadapan yang dikenakan cukai boleh didapati daripada perbezaan sementara yang boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan hingga tiada kemungkinan faedah cukai berkaitan akan dicapai.

Cukai tambahan yang timbul daripada pengedaran dividen adalah diiktiraf pada waktu yang sama seperti tanggungan untuk membayar dividen berkaitan diiktiraf.

(s) Perolehan sesaham

Kumpulan menyediakan maklumat asas perolehan sesaham (EPS) untuk saham biasanya. Asas EPS dikira dengan membahagikan penyata pendapatan yang boleh diagihkan kepada pemegang saham biasa Syarikat yang memihak kepada purata bilangan saham biasa yang belum dibayar sepanjang tempoh tersebut.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah dan bangunan pajakan RM'000	Loji, mesin, alat, perabot dan peralatan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Sistem maklumat RM'000	Modal kerja dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan						
Kos						
Pada 1 Januari 2005						
– Seperti dilaporkan sebelum ini	282,006	925,327	18,500	54,986	4,820	1,285,639
– Kesan penggunaan FRS 117	(58,317)	–	–	–	–	(58,317)
Pada 1 Januari 2005 (dinyatakan semula)	223,689	925,327	18,500	54,986	4,820	1,227,322
Tambahan	6,513	64,441	2,462	5,633	3,074	82,123
Penjualan	(105)	(9,587)	(3,280)	(46)	–	(13,018)
Pelupusan	(13)	(8,466)	(24)	(4,050)	–	(12,553)
Pindahan ke/(dari)	–	4,820	–	–	(4,820)	–
Pada 31 Disember 2005/ 1 Januari 2006 (dinyatakan semula)	230,084	976,535	17,658	56,523	3,074	1,283,874
Tambahan	5,689	52,957	4,222	7,664	16,865	87,397
Penjualan	(16)	(5,189)	(3,745)	(11,021)	–	(19,971)
Pelupusan	(14)	(985)	–	(123)	–	(1,122)
Pindahan ke/(dari)	4,392	(15,464)	2	13,646	(2,576)	–
Pada 31 Disember 2006	240,135*	1,007,854	18,137	66,689	17,363	1,350,178
Susutnilai dan kerugian penurunan nilai						
Pada 1 Januari 2005:						
Susutnilai terkumpul						
– Seperti dinyatakan sebelum ini	65,269	615,761	13,112	43,505	–	737,647
– Kesan penggunaan FRS 117	(1,244)	–	–	–	–	(1,244)
Susutnilai terkumpul (dinyatakan semula)	64,025	615,761	13,112	43,505	–	736,403
Kerugian penurunan nilai terkumpul	5,860	16,086	465	19	–	22,430
Pada 1 Januari 2005 (dinyatakan semula)	69,885	631,847	13,577	43,524	–	758,833
Susutnilai bagi tahun						
– Seperti dinyatakan sebelum ini	5,033	60,617	2,464	5,403	–	73,517
– Kesan penggunaan FRS 117	(1,035)	–	–	–	–	(1,035)
Susutnilai bagi tahun (dinyatakan semula)	3,998	60,617	2,464	5,403	–	72,482
Penjualan	(1)	(8,955)	(3,217)	(43)	–	(12,216)
Pelupusan	(1)	(7,331)	(24)	(4,046)	–	(11,402)
Pada 31 Disember 2005 (dinyatakan semula):						
Susutnilai terkumpul	68,021	662,281	12,335	44,819	–	787,456
Kerugian penurunan nilai terkumpul	5,860	13,897	465	19	–	20,241
	73,881*	676,178	12,800	44,838	–	807,697

* *mewakili bangunan*

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Tanah dan bangunan pajakan RM'000	Loji, mesin, alat, perabot dan peralatan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Sistem maklumat RM'000	Modal kerja dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan						
Susutnilai dan kerugian penurunan nilai (sambungan)						
Pada 1 Januari 2006 (dinyatakan semula):						
Susutnilai terkumpul	68,021	662,281	12,335	44,819	–	787,456
Kerugian penurunan nilai terkumpul	5,860	13,897	465	19	–	20,241
	73,881	676,178	12,800	44,838	–	807,697
Susutnilai bagi tahun	4,214	57,757	2,094	5,711	–	69,776
Penjualan	–	(3,610)	(3,643)	(11,010)	–	(18,263)
Pelupusan	–	(610)	–	(118)	–	(728)
Pada 31 Disember 2006:						
Susutnilai terkumpul	72,235	715,818	10,786	39,402	–	838,241
Kerugian penurunan nilai terkumpul	5,860	13,897	465	19	–	20,241
	78,095*	729,715	11,251	39,421	–	858,482
Jumlah dibawa						
Pada 1 Januari 2005 (dinyatakan semula)	153,804*	293,480	4,923	11,462	4,820	468,489
Pada 31 Disember 2005/ 1 Januari 2006 (dinyatakan semula)	156,203*	300,357	4,858	11,685	3,074	476,177
Pada 31 Disember 2006	**162,040***	**278,139**	**6,886**	**27,268**	**17,363**	**491,696**

* *mewakili bangunan*

Loji dan mesin pajakan

Kumpulan memajak peralatan pengeluaran di bawah beberapa perjanjian pajakan kewangan. Sesetengah pajakan kewangan menyediakan Kumpulan dengan pilihan untuk membeli peralatan tersebut pada harga yang bermanfaat dan yang lainnya memindahkan pemilikan aset tersebut kepada Kumpulan pada akhir tempoh pajakan. Pajakan berjumlah RM14,997,000 (2005 – RM6,665,000) adalah urusan yang tidak dilakukan dalam bentuk perundangan pajakan tetapi ia dikira sedemikian berdasarkan syarat dan peraturannya (lihat nota 13). Peralatan yang dipajak itu menjamin kewajipan pajakan (lihat nota 13). Pada 31 Disember 2006, jumlah bersih dibawa bagi loji dan mesin yang dipajak adalah sebanyak RM10,870,000 (2005 – RM5,460,000)

Hartanah, loji dan peralatan diperolehi menerusi rancangan belian ansuran

Sepanjang tahun kewangan berkenaan, Kumpulan memperolehi sebanyak RM8,332,000 (2005 – RM6,665,000) nilai loji dan peralatan menerusi perjanjian pajakan kewangan.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Perubahan dalam anggaran

Sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2006, Kumpulan menjalankan semakan kecekapan operasi di semua lojinya yang menyebabkan perubahan dalam jangkaan kegunaan beberapa perkara membabitkan hartanah, loji dan peralatan. Hasilnya, anggaran jangka masa penggunaan aset ini telah diselaraskan untuk menggambarkan anggaran penggunaannya dalam pengeluaran. Kesan perubahan ini ke atas perbelanjaan susutnilai, diiktiraf dalam kos jualan, dalam tempoh semasa dan masa hadapan adalah seperti berikut:

	2006 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	Seterusnya RM'000
Pengurangan dalam perbelanjaan susutnilai	1,923	1,486	1,089	961	662	673

4. ASET TIDAK KETARA

	Nota	Muhibah RM'000	Kos pembangunan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
Kos				
Pada 1 Januari 2005/2006				
– Muhibah atas penyatuan		113,547	–	113,547
– Muhibah dibeli		9,180	–	9,180
– Kos pembangunan		–	32,038	32,038
Pada 31 Disember 2005/2006		**122,727**	**32,038**	**154,765**
Pelunasan				
Pada 1 Januari 2005		56,742	13,956	70,698
Pelunasan bagi tahun	16	4,961	6,382	11,343
Pada 31 Disember 2005/1 Januari 2006		61,703	20,338	82,041
Pelunasan bagi tahun	16	–	6,382	6,382
Pada 31 Disember 2006		**61,703**	**26,720**	**88,423**
Jumlah dibawa				
Pada 1 Januari 2005		65,985	18,082	84,067
Pada 31 Disember 2005/1 Januari 2006		61,024	11,700	72,724
Pada 31 Disember 2006		**61,024**	**5,318**	**66,342**

4. ASET TIDAK KETARA (SAMBUNGAN)

Jumlah pelaburan yang boleh diperolehi dalam muhibah anak syarikat dan dibeli adalah berdasarkan pada nilai kegunaannya dan jumlah boleh diperolehi adalah lebih tinggi daripada jumlah dibawa aset tidak ketara ini. Tiada sebarang kerugian penurunan nilai sepanjang tahun ini.

Nilai dalam penggunaan ditentukan dengan pengurangan aliran tunai masa hadapan yang dijana daripada penggunaan pelaburan berterusan dalam muhibah anak syarikat dan dibeli adalah berasaskan pada andaian utama berikut:

- Aliran tunai diramalkan berdasarkan hasil operasi sebenar dan rancangan perniagaan 9-tahun.
- Anak syarikat akan meneruskan operasinya tanpa batasan waktu.
- Saiz operasi akan kekal dengan sekurang-kurangnya atau tidak kurang daripada hasil semasa.

Andaian utama mewakili penilaian aliran masa depan pengurusan dalam industri ais krim serta berdasarkan pada kedua-dua sumber luaran dan dalaman (maklumat sejarah).

5. PEMBAYARAN PAJAKAN PRABAYAR

		Tanah pajakan		
	Nota	Tempoh tidak luput kurang daripada 50 tahun RM'000	Tempoh tidak luput lebih daripada 50 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
Kos				
Pada 1 Januari 2005		–	–	–
Kesan penggunaan FRS 117		7,282	51,035	58,317
Pada 1 Januari 2005 (dinyatakan semula)/ 31 Disember 2005/1 Januari 2006/31 Disember 2006		**7,282**	**51,035**	**58,317**
Pelunasan				
Pada 1 Januari 2005		–	–	–
Kesan penggunaan FRS 117		571	673	1,244
Pada 1 Januari 2005(dinyatakan semula)		571	673	1,244
Pelunasan bagi tahun	16	138	897	1,035
Pada 31 Disember 2005/1 Januari 2006		709	1,570	2,279
Pelunasan bagi tahun	16	138	897	1,035
Pada 31 Disember 2006		**847**	**2,467**	**3,314**
Jumlah dibawa				
Pada 1 Januari 2005 (dinyatakan semula)				
– Semasa		571	673	1,244
– Bukan semasa		6,140	49,689	55,829
		6,711	**50,362**	**57,073**

5. PEMBAYARAN PAJAKAN PRABAYAR (SAMBUNGAN)

	Nota	Tanah pajakan Tempoh tidak luput kurang daripada 50 tahun RM'000	Tanah pajakan Tempoh tidak luput lebih daripada 50 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Disember 2005/1 Januari 2006 (dinyatakan semula)				
– Semasa		138	897	1,035
– Bukan semasa		6,435	48,568	55,003
		6,573	49,465	56,038
Pada 31 Disember 2006				
– Semasa		**138**	**897**	**1,035**
– Bukan semasa		**6,297**	**47,671**	**53,968**
		6,435	**48,568**	**55,003**

6. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT

	Syarikat 2006 RM'000	Syarikat 2005 RM'000
Saham tidak disebut harga – pada kos	**232,992**	232,992

Butiran anak-anak syarikat adalah seperti berikut:

Nama anak syarikat	Negara diperbadankan	Aktiviti utama	Kepentingan pemilikan efektif 2006 %	Kepentingan pemilikan efektif 2005 %
Nestlé Products Sdn. Bhd.	Malaysia	Pemasaran dan jualan, untuk pasaran tempatan dan eksport, susu pekat manis, susu serbuk dan minuman, susu cecair dan jus minuman, kopi segera dan produk konfeksi coklat, mi segera, bahan masakan, bijirin, dadih dan produk-produk yang berkaitan.	**100**	100
Nestlé Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd.	Malaysia	Mengilang dan membungkus ais krim, minuman, susu cecair dan jus minuman, kopi segera dan produk konfeksi coklat, mi segera, bahan masakan, bijirin, dadih dan produk-produk yang berkaitan.	**100**	100

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

6. PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Nama anak syarikat	Negara diperbadankan	Aktiviti utama	Kepentingan pemilikan efektif 2006 %	Kepentingan pemilikan efektif 2005 %
Nestlé Asean (Malaysia) Sdn. Bhd.	Malaysia	Mengilang dan membungkus produk makanan berasaskan coklat.	**100**	100
Nestlé Foods (Malaysia) Sdn. Bhd.	Malaysia	Tidak aktif	**100**	100
Nestlé Cold Storage (Sabah) Sdn. Bhd.	Malaysia	Tidak aktif	**100***	100*
SNF Sdn. Bhd.	Malaysia	Tidak aktif	**100**	100

* *Kepentingan dipegang menerusi Nestlé Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd.*

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pada kos:				
Saham disebut harga	**3,000**	3,000	**3,000**	3,000
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	**417**	212	**–**	–
	3,417	3,212	**3,000**	3,000

Ringkasan maklumat kewangan ke atas syarikat bersekutu:

	Negara diperbadankan	Kepentingan pemilikan efektif %	Hasil (100%) RM'000	Keuntungan (100%) RM'000	Jumlah aset (100%) RM'000	Jumlah tanggungan (100%) RM'000
2006						
Nihon Canpack (Malaysia) Sdn. Bhd.	Malaysia	20	**70,046**	**1,675**	**37,289**	**20,202**
2005						
Nihon Canpack (Malaysia) Sdn. Bhd.	Malaysia	20	61,654	1,591	32,919	16,859

8. ASET DAN TANGGUNGAN CUKAI TERTUNDA

Aset dan tanggungan cukai tertunda yang diiktiraf

Aset dan tanggungan cukai tertunda adalah seperti berikut:

	Aset		Tanggungan		Bersih	
	2006 RM'000	2005 RM'000 Dinyatakan semula	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Kumpulan						
Hartanah, loji dan peralatan	**–**	–	**64,033**	60,932	**64,033**	60,932
Rancangan faedah pekerja	**(17,998)**	(17,900)	**–**	–	**(17,998)**	(17,900)
Peruntukan	**(6,315)**	(8,257)	**–**	–	**(6,315)**	(8,257)
Rizab terlindung	**(871)**	–	**–**	1,080	**(871)**	1,080
Kerugian cukai dibawa ke hadapan	**–**	(13,205)	**–**	–	**–**	(13,205)
Cukai (aset)/tanggungan	**(25,184)**	(39,362)	**64,033**	62,012	**38,849**	22,650
Permulaan cukai	**18,475**	29,329	**(18,475)**	(29,329)	**–**	–
Cukai bersih (aset)/tanggungan	**(6,709)**	(10,033)	**45,558**	32,683	**38,849**	22,650

Dalam mengiktiraf aset cukai tertunda yang diagihkan kepada kerugian cukai dibawa ke hadapan yang tidak digunakan dan elaun modal dibawa kehadapan yang tidak digunakan (termasuk dalam perbezaan sementara yang boleh ditolak bagi hartanah, loji dan peralatan), para Pengarah membuat andaian bahawa tidak akan ada sebarang perubahan besar (lebih daripada 50%) dalam pemegang saham sebelum aset ini digunakan. Jika ada perubahan besar dalam pemegang saham, kerugian cukai dibawa ke hadapan yang tidak digunakan berjumlah kira-kira RM2,821,000 tidak akan dimiliki Kumpulan yang menyebabkan peningkatan dalam tanggungan cukai bersih tertunda dengan jumlah yang sama. Perbezaan sementara yang boleh ditolak tidak luput di bawah peraturan cukai semasa.

Pada 2005, sejumlah RM18,866,000 kerugian cukai tidak diiktiraf sebelum ini telah diiktiraf memandangkan pengurusan menganggap kemungkinan keuntungan yang boleh dikenakan cukai di masa depan wujud daripada apa yang boleh digunakan.

Pergerakan dalam perbezaan sementara sepanjang tahun

Kumpulan	Pada 1.1.2005 RM'000	Kesan penggunaan pindaan kepada FRS 119_{2004} RM'000	Pada 1.1.2005 RM'000 Dinyatakan semula	Diiktiraf dalam penyata pendapatan (nota 18) RM'000	Diiktiraf dalam ekuiti (nota 18) RM'000	Pada 31.12.2005 RM'000 Dinyatakan semula	Diiktiraf dalam penyata pendapatan (nota 18) RM'000	Diiktiraf dalam ekuiti (nota 18) RM'000	Pada 31.12.2006 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	50,243	–	50,243	10,689	–	60,932	3,891	–	**64,823**
Rancangan faedah pekerja	(12,881)	(1,044)	(13,925)	(201)	(3,774)	(17,900)	429	(527)	**(17,998)**
Peruntukan	(7,699)	–	(7,699)	(558)	–	(8,257)	1,942	–	**(6,315)**
Rizab perlindungan	–	–	–	–	1,080	1,080	–	(1,951)	**(871)**
Kerugian cukai dibawa ke hadapan	–	–	–	(13,205)	–	(13,205)	12,415	–	**(790)**
	29,663	(1,044)	28,619	(3,275)	(2,694)	22,650	18,677	(2,478)	**38,849**

9. PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PEMBAYARAN PRABAYAR

		Kumpulan		Syarikat	
		2006	2005	2006	2005
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Semasa					
Dagangan					
Penghutang dagangan		**311,562**	308,334	**–**	–
Tolak: Penurunan nilai penghutang dagangan		**(21,118)**	(25,408)	**–**	–
		290,444	282,926	**–**	–
Jumlah hutang daripada syarikat berkaitan	a	**94,998**	86,783	**–**	–
Jumlah hutang daripada syarikat bersekutu	a	**5,317**	755	**–**	–
Kontrak pertukaran mata wang asing	b	**–**	66	**–**	–
Pasaran komoditi hadapan	b	**1,476**	3,815	**–**	–
		392,235	374,345	**–**	–
Bukan dagangan					
Jumlah hutang daripada anak-anak syarikat	c	**–**	–	**609,119**	660,925
Penghutang, deposit dan pembayaran prabayar lain	d	**56,810**	68,382	**142**	152
		56,810	68,382	**609,261**	661,077
		449,045	442,727	**609,261**	661,077

Nota a

Jumlah hutang daripada syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu adalah tidak bercagar, bebas faedah dan boleh dibayar balik atas permintaan.

Nota b

Kontrak tukaran mata wang asing dan pasaran komoditi hadapan adalah sebagai perlindungan aliran tunai.

Keuntungan belum dicapai pada kontrak tukaran mata wang asing dan pasaran komoditi hadapan yang masing-masing berjumlah RM Sifar dan RM1,476,000 (2005 – RM66,000 dan RM3,815,000) diiktiraf dalam ekuiti pada akhir tahun.

9. PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PEMBAYARAN PRABAYAR (SAMBUNGAN)

Keuntungan dijangka diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila jangkaan urusniaga berlaku seperti berikut:

	Keuntungan	
	2006	**2005**
	RM'000	**RM'000**
Kumpulan		
Kontrak tukaran mata wang asing		
Kurang daripada tiga bulan	**–**	66
Pasaran komoditi hadapan		
Kurang daripada tiga bulan	**1,101**	(398)
Di antara tiga bulan hingga setahun	**375**	4,213
	1,476	3,815

Nota c

Jumlah hutang daripada anak-anak syarikat adalah tidak bercagar, tertakluk kepada faedah pada kadar bermula daripada 3.15% kepada 3.61% (2005 – 2.80% to 3.15%) setiap tahun dan boleh dibayar balik atas permintaan.

Nota d

Termasuk dalam penghutang, deposit dan pembayaran prabayar Kumpulan adalah pinjaman kakitangan sebanyak RM27,680,000 (2005 – RM28,234,000), termasuk sejumlah RM16,000 (2005 – RM123,000) dihutang daripada beberapa Pengarah Syarikat membabitkan pinjaman kereta yang dibuat di bawah polisi permastautinan luar negara korporat Nestlé.

10. INVENTORI

	Kumpulan	
	2006	**2005**
	RM'000	**RM'000**
Pada kos:		
Bahan mentah dan pembungkusan	**129,112**	117,015
Kerja dalam proses	**21,844**	12,866
Inventori siap dikilang	**171,700**	132,575
Alat ganti	**8,018**	–
	330,674	262,456

Pada 2006, inventori diiktiraf sebagai kos jualan berjumlah sebanyak RM1,183,251,000 (2005 – RM985,046,000).

11. TUNAI DAN SETARA TUNAI

		Kumpulan		Syarikat	
		2006	2005	2006	2005
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Deposit dengan bank berlesen		**4,069**	8,027	**4,069**	6,090
Baki tunai dan bank		**51,759**	25,852	**3**	–
		55,828	33,879	**4,072**	6,090

12. MODAL DAN RIZAB

Penyesuaian pergerakan dalam modal dan rizab

		Boleh disandarkan kepada pemegang saham Syarikat				
		Tidak boleh diagih			*Boleh diagih*	
	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab perlindungan RM'000	Pendapatan tertahan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Kumpulan						
Pada 1 Januari 2005						
– seperti dilaporkan sebelum ini		234,500	33,000	(3,356)	187,391	451,535
– kesan penggunaan Pindaan pada FRS 119_{2004}		–	–	–	(2,684)	(2,684)
Pada Januari 2005(dinyatakan semula)		234,500	33,000	(3,356)	184,707	448,851
Pelindung aliran tunai						
Bahagian efektif perubahan dalam nilai saksama		–	–	2,801	–	2,801
Dipindahkan ke penyata pendapatan		–	–	3,356	–	3,356
Keuntungan bersih pada pelindung aliran tunai		–	–	6,157	–	6,157
Kerugian aktuari rancangan faedah tertakrif, jumlah bersih cukai		–	–	–	(9,706)	(9,706)
Keuntungan/(kerugian) bersih diiktiraf terus dalam ekuiti		–	–	6,157	(9,706)	(3,549)
Keuntungan bagi tahun ini		–	–	–	266,819	266,819
Jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf bagi tahun ini		–	–	6,157	257,113	263,270
Dividen kepada pemegang saham	20	–	–	-	(188,069)	(188,069)
Pada 31 Disember 2005 (dinyatakan semula)		234,500	33,000	2,801	253,751	524,052

12. MODAL DAN RIZAB (SAMBUNGAN)

Penyesuaian pergerakan dalam modal dan rizab (sambungan)

		Boleh disandarkan kepada pemegang saham Syarikat				
		Tidak boleh diagih			*Boleh diagih*	
	Nota	**Modal saham RM'000**	**Premium saham RM'000**	**Rizab perlindungan RM'000**	**Pendapatan tertahan RM'000**	**Jumlah ekuiti RM'000**
